



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN HASHIM  
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI  
DAN INOVASI**

**SEMPENA  
MAJLIS PENYERAHAN BENIH PADI IS21  
KEPADA PESAWAH PERTUBUHAN  
PELADANG KAWASAN KUALA  
TERENGGANU**

**3 JUN 2022 | 10.00 PAGI**

**KAMPUNG KUBANG TANGGA, KUALA TERENGGANU**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

**YBHG. DATUK TS. DR. MOHD NOOR AZMAN BIN HASSAN  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN TEKNOLOGI)  
MOSTI**

**YBRS. DR. NAGULENDRAN A/L KANGAYATKARUSU  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERANCANGAN DAN  
PEMBUDAYAAN SAINS) MOSTI**

**YBRS. TUAN HAJI ABDULLAH BIN BAKAR  
PENGURUSI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN KUALA  
TERENGGANU**

**YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN  
KETUA PENGARAH  
AGENSI NUKLEAR MALAYISA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI,  
PARA PESAWAH DAN PETANI, PENDUDUK KUALA TERENGGANU,**

**DAN SELURUH KELUARGA MALAYSIA YANG DIKASIHI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah dan izinNya dapat kita bersama pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Terengganu di Kampung Kubang Tangga, Kuala Terengganu.
2. Penganjuran majlis ini adalah bersempena dengan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) yang sedang berlangsung bermula pada 2 Jun sehingga 4 Jun 2022 yang mana majlis perasmian penutup akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di Gong Badak, Kuala Terengganu pada hari terakhir JAKM.

### **Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

3. Terlebih dahulu, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak terhadap komitmen yang diberi melalui kerjasama dalam merealisasikan majlis ini antaranya Agensi Nuklear Malaysia, Kerajaan Negeri Terengganu, Pejabat Penerangan Negeri Terengganu, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kawasan Negeri Terengganu. Saya dimaklumkan bahawa majlis ini telah dirancang dalam tempoh yang singkat dan alhamdulillah, majlis ini berjaya dilaksanakan akhirnya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pesawah dan wakil media yang sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis ini amat besar maknanya buat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

### **Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,**

4. Beras merupakan makanan ruji penduduk Malaysia, maka amatlah penting bagi negara untuk mengeluarkan hasil yang mencukupi. Untuk makluman kadar sara diri atau *self-sufficiency level* (SSL) pengeluaran padi negara kita ketika ini adalah sekitar 70%. Dengan perubahan iklim dunia, tanaman mudah terdedah kepada persekitaran ekstrim dan penyakit baharu tanaman yang mungkin wujud dan sukar dikawal maka ini secara langsung boleh mengurangkan dan menjejaskan hasil tanaman. Bagi menangani masalah ini, maka teknologi pembaikbakaan, penanaman dan pengeluaran tanaman harus lebih efisien untuk menghasilkan tanaman berkualiti dengan hasil yang tinggi.

5. Bagi merealisasikan perkara tersebut, agensi penyelidikan di bawah MOSTI iaitu Agensi Nuklear Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan penghasilan varieti baharu padi NMR152 yang merupakan produk hasil kajian biak baka mutasi aruhan sinaran gama yang mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan oleh petani dan telah diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKKIPB, MAFI) sebagai padi sah negara. Produk penyelidikan melalui dana yang diberi oleh MOSTI ini boleh membantu industri padi melalui peningkatan pengeluaran hasil dan pendapatan petani di negara ini.
6. Benih padi NMR 152 yang telah diberi penjenamaan semula dengan panggilan IS21 ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 November 2021 di Sekinchan, Selangor. Alhamdulillah, para pesawah dan petani yang telah menggunakan padi benih IS21 ini sejak ia dilancarkan telah memberi respon yang sangat positif.
7. Dengan berlangsungnya program pada hari ini maka benih padi IS21 ini dapat disebar luaskan lagi di Kuala Terengganu, dan memberi peluang kepada pesawah-pesawah menanam benih padi ini dan saya yakin pesawah di kawasan ini akan mendapat pulangan yang lebih baik dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. InsyaAllah.

**Hadirin yang dikasihi,**

8. Untuk makluman semua, benih padi IS21 ini mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah.

Dari segi penghasilannya pula, potensi pengeluaran hasil baka padi IS21 ini boleh mencecah sehingga sepuluh (10) tan sehektar mengikut kawasan penanaman jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan.

9. Bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, kerajaan sentiasa berusaha kearah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi.
10. Nuklear Malaysia turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain termasuk MARDI, UKM, UPM, Jabatan Pertanian, IADA dan UiTM dalam pelbagai aspek kajian tanaman padi. Diharap kerjasama strategik menggunakan teknologi nuklear dalam pengeluaran tanaman dan pembangunan varieti baru boleh merancakkan lagi industri padi di negara ini.
11. Selain itu, Nuklear Malaysia turut berkerjasama agensi antarabangsa seperti IAEA dan *Japan Atomic Energy Agency* (JAEA) di bawah *Platform Forum Nuclear Cooperation in Asia* (FNCA) untuk penyinaran biji benih padi menggunakan teknologi ion beam. Badan dunia ini menawarkan perkhidmatan penyinaran secara percuma kepada negara Malaysia termasuk khidmat nasihat teknikal. Justeru, jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa ini secara tidak langsung boleh meningkatkan produktiviti penghasilan benih padi baharu di dalam negara.

**Hadirin sekalian,**

12. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas usaha yang berterusan tidak kira apa jua peranan dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan

sehingga dapat menghasilkan benih padi yang berkualiti di negara ini. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan negara untuk mengimport beras dari luar negara.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menyempurnakan **Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Terengganu** di Kampung Kubang Tangga, Kuala Terengganu ini.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**